

# AZITHRO® CAPSULE

Azithromycin (250mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Azithro Kapsul
2. Bagaimana Azithro Kapsul berfungsi
3. Sebelum menggunakan Azithro Kapsul
4. Cara menggunakan Azithro Kapsul
5. Semasa menggunakan Azithro Kapsul
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Azithro Kapsul
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Azithro Kapsul

Azithro Kapsul digunakan untuk jangkitan yang disebabkan oleh organism seperti jangkitan saluran pernafasan, jangkitan dalam kulit dan jangkitan telinga. Ia juga digunakan untuk penyakit kelamin di kalangan lelaki dan wanita. Ia boleh digunakan dalam kombinasi dengan *ethambutol* untuk merawat jangkitan Disseminated Mycobacterium Avium Complex (DMAC) pada individu yang menghidap penyakit HIV.

## Bagaimana Azithro Kapsul berfungsi

Azithromycin adalah antibiotik macrolide. Ubat ini berfungsi secara membunuh atau mencegah pertumbuhan bacteria yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan Azithro Kapsul

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Azithro Kapsul:

- Jika anda alah kepada azithromycin atau antibiotik lain yang diklasifikasi sebagai *macrolide*.

Anda tidak digalakkan untuk mengambil Azithro Kapsul jika anda mempunyai tanda-tanda/gejala-gejala yang disebut di atas. Anda perlu beritahu doktor anda dengan secepat mungkin.

### Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda:

- Jika anda menghidap penyakit hati
- Jika anda menghidap penyakit buah pinggang.
- Jika anda mempunyai atau pernah mempunyai penyakit lain atau reaksi alahan kulit.
- Jika anda mengandung atau sedang menyusu

### - Jika anda mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain. Doktor anda boleh mengehadkan penggunaan *azithromycin* atau ubat lain, atau anda mungkin perlu mengambil ubat lain.

Anda perlu memaklumkan pada doktor:

- Jika anda mengambil ubat *digoxin*, untuk jantung
- Jika anda mengambil ubat migraine seperti ergotamine dan dihydroergotamine.
- Jika anda mengambil ubat cair darah seperti warfarin.
- Jika anda mengambil *immunosuppressant* seperti *cyclosporine*.
- Jika anda mengambil ubat alahan seperti terfenadine.
- Jika anda mengambil ubat tibi seperti rifabutin.
- Jika anda mengambil ubat HIV seperti zidovudine dan efavirenz.
- Jika anda mengambil cetrizine, didanosine, cimetidine, carbamazepine, artovastatin, fluconazole, indinavir, methylprednisolone, midazolam, nelfinavir, rifabutin, sildenafil, terfenadine, theophylline, triazolam atau trimethoprim/sulfamethoxazole.

## Cara menggunakan Azithro Kapsul

### Berapa banyak harus digunakan

Gunakan Azithro Kapsul atas arahan doktor sahaja. Anda boleh merujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti. Doktor anda akan menentukan rawatan pada dos yang

optimum. Anda tidak harus menukar dos ubat tanpa mendapat kebenaran doktor. Azithro Kapsul harus diambil sekali sehari. Jangka masa dan dos rawatan adalah seperti di bawah:

Untuk orang dewasa:

Dos kepada rawatan penyakit kelamin yang disebabkan oleh chiamydia trachomatis, *Haemophillus ducrey* atau *Nelsseria gonorrhoea*: 1000mg dalam satu dos sekali sehari.

- Pencegahan terhadap jangkitan *Mycobacterium* (dihuraikan sebagai *Mycobacterium Avium Complex* (MAC)): 1200mg sekali seminggu.

- Rawatan terhadap jangkitan *Mycobacterium* (dihuraikan sebagai Disseminated *Mycobacterium Avium Complex* (DMAC)): 600mg sekali sehari.

Untuk indikasi yang lain, jumlah dos 1500mg perlu diberikan sebagai 500mg setiap hari selama 3 hari.

Kanak-kanak:

- Azithro Kapsul hanya boleh diberikan kepada kanak-kanak dengan berat melebihi 45kg, dengan dos yang disyorkan seperti orang dewasa.

Individu yang mengalami masalah buah pinggang:

- Tiada pelarasan dos

Individu yang mengalami masalah hati:

- Dos yang sama berbanding individu dengan fungsi hati yang normal

### Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan jangka masa yang sesuai untuk anda mengambil Azithro Kapsul mengikut keadaan jangkitan anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

### Jika terlupa menggunakan

- Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya,

# AZITHRO® CAPSULE

Azithromycin (250mg)

abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Simptom terlebih dos: Simptom hampir sama dengan simptom pada dos yang biasa.

Dinasihatkan supaya hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda mengambil Azithro Kapsul berlebihan.

## Semasa menggunakan Azithro Kapsul

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut nasihat/arahan doktor. Jika anda tidak pasti cara untuk mengambil ubat anda, anda perlu mengesahkan cara penggunaannya dengan doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh beritahu doktor anda jika anda rasa ubat itu tidak berkesan,

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan berkongsi Azithro Kapsul dengan sesiapa tanpa nasihat doktor, walaupun mereka mempunyai symptom atau penyakit yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jika anda mempunyai alahan kepada erythromycin dan macrolide lain, hubungi doktor anda sebelum mengambil Azithro Kapsul.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Azithro Kapsul boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda digalakkan untuk berjumpha dengan doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut.

Azithromycin mempunyai insiden kesan sampingan yang rendah. Anda dinasihatkan untuk berjumpha dengan doktor anda atau pergi ke hospital terdekat sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan berikut.

Kesan sampingan paling biasa:

- Loya, sakit kepala, cirit-birit, muntah, ketidakselesaan perut, kembung perut, fungsi hati tidak normal, reaksi alahan, letih, ketidakselesaan dan kesakitan di sendi.

Kesan sampingan kurang biasa:

- Pendengaran dan penglihatan yang tidak normal, degupan jantung yang tidak teratur, konvulsi, mengantuk, hiperaktif, sensasi yang tidak selesa dan kehilangan kesedaran untuk sementara.

Kesan sampingan yang jarang berlaku:

- Perubahan warna lidah, kehilangan air akibat cirit-birit dan gangguan rasa.
- Hypersensitiviti: reaksi alahan yang jarang berlaku termasuk tindak balas kulit yang serius contohnya Stevens-Johnsons Syndrome dan Toxic Epidermal Necrolysis.
- Perubahan pada rentak degupan jantung (dihuraikan sebagai pemanjangan QT interval) mungkin menyebabkan penyakit jantung.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adverse ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems/Side Effects/AEFI/Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Azithro Kapsul

### - Penyimpanan

Jauhkan Azithro Kapsul daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan

lindungi daripada cahaya. Jangan gunakan produk yang melepas tarikh luput yang dipaparkan pada label kotak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Azithro Kapsul adalah serbuk putih dalam bentuk kapsul, dicetak dengan M&H dalam ink hitam atas kapsul yang berwarna putih. Satu kotak mengandungi 6 biji kapsul.

### - Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:  
Azithromycin 250mg

Bahan tidak aktif:

Anhydrous lactose, magnesium stearate, silicon dioxide, corn starch and sodium starch glycolate.

### - Nombor MAL

MAL10100178AZ

## Pengilang

M&H Manufacturing Co. LTD  
41, Sukhumvit Road, Samutprakarn,  
Thailand

## Pemegang pendaftaran produk

Germax Sdn. Bhd.  
10, Jalan PJU 3/48,  
Sunway Damansara Technology Park,  
47810 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

24/11/2017

## Nombor Siri

NPRA(R4/1)231117/00325